

11/07/2000

Wakil rakyat BN diminta ambil sikap bersama

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad meminta semua wakil rakyat Barisan Nasional (BN) mengambil sikap bersama bagi memastikan kejadian penjenayah menahan tebusan di Kampung Jenalek, Sauk, tidak berulang.

Perdana Menteri berkata, dalam negara pelbagai kaum ini tidak harus ada agama yang menekan agama lain atau ada kaum menekan kaum lain kerana tindakan itu boleh menjejaskan perpaduan.

Perdana Menteri berkata demikian dalam taklimat pra-persidangan mesyuarat kedua penggal kedua Dewan Rakyat ke-10 kepada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negara BN, di sini hari ini.

Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Muhamad Abdullah, berkata Dr Mahathir juga meminta wakil rakyat mengambil sikap bersungguh-sungguh untuk membanteras kegiatan yang menyalahi agama.

Kejadian penahanan tebusan oleh kumpulan penjenayah yang merompak senjata api di pos dan kem tentera di Grik, 2 Julai lalu, berakhir Khamis lalu apabila 27 lelaki yang bersembunyi di Bukit Jenalek, Sauk, menyerah diri.

Kumpulan terbabit dianggotai oleh ahli Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (al-Ma'unah) yang beribu pejabat di Klang, Selangor.

Taklimat selama lebih sejam itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan anggota Kabinet.

Sementara itu, Ahli Parlimen Rompin, Datuk Dr Jamaludin Jarjis, berkata beliau akan membentangi usul menangguk mesyuarat bagi membincangkan kejadian rompakan senjata di Dewan Rakyat, esok.

Beliau berkata, penanguhan mesyuarat penting berikutan kebimbangan terhadap menularnya tahap gejala melampau di kalangan masyarakat Malaysia.

Bercakap kepada pemberita di lobi Parlimen beliau berkata, tahap kawalan dan pemantauan terhadap kumpulan seni mempertahankan diri dan pengamal ilmu batin di seluruh negara juga perlu diperkemas.

"Tindakan penjenayah berkenaan merompak senjata dan ingin memberontak bagi menubuhkan sesebuah negara Islam adalah satu daripada penyimpangan daripada ajaran Islam," katanya.

(END)